



Ruj. Kami: (1) PKPMP.PHBM.600-2/3/1

Tarikh: 26 Februari 2026

YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Seluruh Semenanjung Malaysia

Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Semenanjung Malaysia

**ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MALAYA
BILANGAN 1 TAHUN 2026
PENUBUHAN *INTERNATIONAL COMMERCIAL AND ADMIRALTY
DIVISION* (ICAD), MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Aturan 92, kaedah 3B Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U.(A)205/2012*], saya, setelah berunding dengan YAA Ketua Hakim Negara, mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi memaklumkan mengenai penubuhan *International Commercial and Admiralty Division* (ICAD), Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

PEMAKAIAN

2. Arahan Amalan ini terpakai bagi—

- (a) kes-kes komersial antarabangsa yang melibatkan mana-mana syarikat yang berdaftar di luar negara; dan

(b) kes-kes admiralti,

yang didaftarkan di semua Mahkamah Tinggi di Malaya.

PENUBUHAN *INTERNATIONAL COMMERCIAL AND ADMIRALTY DIVISION* (ICAD), MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR

3. Penubuhan *International Commercial and Admiralty Division* (ICAD), Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur bertujuan untuk mewujudkan mahkamah khas di Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur bagi mendengar kes-kes komersial antarabangsa dan admiralti yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur.

4. Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan di masa hadapan, penubuhan *International Commercial and Admiralty Division* (ICAD) sebagai mahkamah khas untuk mendengar kes-kes komersial antarabangsa dan admiralti turut dicadangkan untuk diperluas ke Mahkamah Tinggi Malaya yang lain.

5. Penubuhan *International Commercial and Admiralty Division* (ICAD) ini merupakan salah satu inisiatif Badan Kehakiman dalam menyokong dasar Kerajaan bagi menggalakkan pelaburan langsung asing atau *Foreign Direct Investment* (FDI) ke negara ini dan mencerminkan komitmen Badan Kehakiman dalam memberikan keutamaan kepada pengendalian kes-kes komersial antarabangsa dan kes-kes admiralti.

6. Usaha ini secara tidak langsung akan memperkukuh kedudukan Kuala Lumpur sebagai pusat pelaburan terkemuka serta meningkatkan keyakinan pelabur untuk terus melabur di negara ini.

PERBICARAAN KES KOMERSIAL ANTARABANGSA DAN ADMIRALTI

7. Pada masa ini, semua perbicaraan bagi kes komersial antarabangsa dan admiralti yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala

Lumpur akan didengar di *International Commercial and Admiralty Division* (ICAD), Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur.

8. Bagi kes komersial antarabangsa dan admiralti yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Malaya yang lain pula, kes tersebut akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Malaya masing-masing di mana kes itu didaftarkan.

PENGELASAN KOD KHAS BAGI PENDAFTARAN KES KOMERSIAL ANTARABANGSA DAN ADMIRALTI

9. Semua pendaftaran kes komersial antarabangsa di *International Commercial and Admiralty Division* (ICAD), Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur dan di semua Mahkamah Tinggi di Malaya yang lain hendaklah dibuat menggunakan kod yang ditetapkan seperti yang berikut:

JENIS KES	NO. KOD	PERIHAL
SIVIL (KOMERSIAL ANTARABANGSA)	21ICA	Writ Saman (Komersial Antarabangsa) oleh dan terhadap Kerajaan
SIVIL (KOMERSIAL ANTARABANGSA)	22ICA	Writ Saman (Komersial Antarabangsa)
SIVIL (KOMERSIAL ANTARABANGSA)	24ICA	Saman Pemula (Komersial Antarabangsa)
SIVIL (KOMERSIAL ANTARABANGSA)	26ICA	Petisyen Pemula (Komersial Antarabangsa)


10. Semua pendaftaran kes admiralti di *International Commercial and Admiralty Division* (ICAD), Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur dan di semua Mahkamah Tinggi di Malaya yang lain hendaklah dibuat menggunakan kod 27NCC yang sedia ada.

PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN

11. Apa-apa prosiding yang melibatkan perkara komersial antarabangsa dan admiralti yang telah didaftarkan di mana-mana Mahkamah Tinggi di Malaya yang masih belum selesai pada permulaan kuat kuasa Arahan Amalan ini hendaklah diteruskan di Mahkamah Tinggi tersebut masing-masing.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

12. Arahan amalan ini berkuat kuasa pada **26 Februari 2026**.



DATUK SÈRI HASHIM BIN HAMZAH

Hakim Besar Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

SALINAN KEPADA:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No.45, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100, Putrajaya

Semua YA Hakim Pengurus
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Yang Dipertua
Badan Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Pengarah
Bahagian Dasar dan Perundangan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua Bahagian
Bahagian Penyelidikan
Pejabat Ketua Hakim Negara
Putrajaya

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya